

11 JAN 2000

Mahathir-Chirac

MAHATHIR TEMUI PRESIDEN PERANCIS DI PARIS 29 JAN INI

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan singkat ke Paris pada 29 Jan ini untuk bertemu dengan Presiden Perancis, Jacques Chirac bagi membincangkan hal-hal dua hala dan antarabangsa.

Selain lawatan ke Perancis, Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan ketua-ketua pemimpin ekonomi dunia semasa menghadiri Forum Ekonomi Dunia dari 27 Jan hingga 1 Feb di Davos, Switzerland.

Dr Mahathir akan menghadiri forum itu semasa lawatan kerja beliau selama seminggu ke Davos bermula 27 Jan ini, menurut satu kenyataan pejabat Perdana Menteri hari ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir akan bercuti selama dua minggu di luar negara bermula esok hingga 26 Jan.

Beliau yang diringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan berada di Argentina dan di Kepulauan Caribbean semasa cuti dua minggu itu, kata kenyataan itu.

Dalam forum ekonomi di Davos, Dr Mahathir akan menyampaikan ucap utama serta menyertai satu dialog budaya antara ketua-ketua negara dan kerajaan Islam dengan ketua-ketua negara dan kerajaan beberapa negara Barat.

Selain Dr Mahathir, pemimpin-pemimpin negara dan kerajaan Islam yang menyertai dialog itu ialah Raja Jordan, Presiden Mesir dan Presiden Indonesia.

Pihak Barat pula diwakili oleh raja dari Norway, Sepanyol dan Presiden-presiden Austria, Republik Czech, Finland, Jerman dan Itali.

Tujuan dialog antara budaya Islam dan Barat itu ialah untuk mengenal pasti nilai-nilai persamaan kedua-dua budaya itu.

Persamaan itu boleh digunakan untuk membentuk strategi mengatasi salah faham serta perbezaan dan juga untuk mengadakan sistem amaran awal terhadap konflik yang timbul akibat salah faham dan perbezaan itu.

Perdana Menteri dijadual pulang ke tanah air pada 3 Feb ini, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

ES PR